

15 JANUARI 2018

## 51 terlibat dadah diberkas di premis hiburan

8 NEGARA! KOSMO! ISNIN 15 JANUARI 2018



**51 terlibat dadah diberkas di premis hiburan**

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**KUALA LUMPUR** - Polis Cheras menahan 51 individu termasuk 20 wanita yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah di sebuah pusat hiburan di Jalan Pudu Ulu di sini kelmarin.

Hasil maklumat dan risikan pihak polis, sepasukan anggota menyerbu pusat hiburan terbabit pada pukul 2 pagi sebelum membongkarkan kegiatan tidak bermoral dalam premis berkenaan.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji berkata, 30 daripada 51 individu yang ditahan didapati positif dadah.

Katanya, selebihnya pula ditahan kerana memiliki dan mengedar dadah.

"Dalam serbuan itu, pihak polis merampas tiga peket dadah disyaki ekstasi seberat 44.55 gram, tiga peket plastik lutsinar mengandungi dadah disyaki ketamin seberat 1.6 gram dan satu botol minuman disyaki bercampur methamphetamine.

"Hasil siasatan awal, suspek mendakwa mendapat bekalan dadah daripada pelanggan lain yang datang berhibur di pusat hiburan terbabit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya lagi, hasil beberapa serbuan di kawasan Cheras sejak kebelakangan ini mendapati, kebanyakan minuman ringan yang dipesan sudah dicampur dadah.

"Kita mahu pelanggan pusat hiburan sentiasa waspada dengan minuman yang dihidangkan khususnya daripada rakan sendiri kerana rata-rata daripada mereka bila ditahan mengaku tidak tahu minuman itu dicampur dadah," ujarnya.

ANTARA dadah dan bekas minuman mengandungi bahan terlarang itu yang ditemui dalam operasi di sebuah premis hiburan di Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur kelmarin.